

Dari hati ke hati

Kanta Lembah Pantai

Nurul Izzah Anwar - Ahli Parlimen Lembah Pantai



FACTS TO BE INCLUDED IN POLICE REPORTS

Page 04



EJEN PROVOKATOR GUGAT KEHARMONIAN RAKYAT

Muka surat 03



IMPIAN WARGA EMAS,
KURANG MAMPU MILIKI
RUMAH PPR BERKECAI

Muka surat 05



PKR LEMBAH PANTAI
BERKHIDMAT, DAMPINGI
RAKYAT

Muka surat 06



GST CETUSCAN BEBAN
BARU PADA RAKYAT

Muka surat 12

Statistik bercanggah, tumpu banteras jenayah



Suasana Tegang: Kekecohan tercetus pada Jamuan Makan Malam KeADILan anjuran PKR Lembah Pantai pada 31 Oktober 2009 apabila polis menghalang tetamu kehormat YB Tian Chua daripada berucap. Polis turut menurunkan kain rentang dan merampas risalah PKR pada kejadian itu.

JENAYAH tiada penghujung. Justeru, pihak keselamatan khususnya polis perlu memberi tumpuan untuk membendung kalaupun tidak dapat membanterasnya 100 peratus.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, berkata kawasan itu yang di bawah tadbir Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields turut berdepan dengan pelbagai jenayah seperti penyebaran wang palsu RM50, pecah rumah, memecah cermin kenderaan dan samun serta ragut bersenjata.

Justeru, beliau yakin polis boleh menumpukan masa dan tenaga untuk men-

jaga kesejahteraan penduduk Parlimen Lembah Pantai terutama di kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi dan tidak menumpukan terlalu banyak masa memerhati gerak-geri program beliau selaku wakil rakyat kawasan itu.


Beliau turut membangkitkan soal peranggahan kenyataan antara Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Abdul Samah Mat, dengan Timbalan Ketua Polis Daerah Brickfields, Supt Azri Abdul Rahman, berhubung kadar jenayah antara Januari hingga Mei 2008 dengan masing-masing mengatakan berlaku penurunan atau pengurangan sebanyak 19.4 peratus dan 7 peratus.

“Saya mahu tahu apakah impak (ke-nyataan dua pegawai polis itu) kepada Daerah Brickfields. Adakah mereka tidak akan diberikan peruntukan dan kalau pun ada pengurangan kenapa wujud kekeliruan di antara angka dan statistik yang sebenar?”

“Pelbagai laporan (mengenai kejadian jenayah) yang diterima daripada pengadu di Pejabat Pusat Khidmat namun tiada maklumbalas dan tindakan penyelesaian daripada IPD ini berdasarkan kepada rujukan semula PKM kepada pengadu,” katanya.

Beliau yakin polis boleh menumpukan masa dan tenaga untuk menjaga kesejahteraan penduduk Parlimen Lembah Pantai terutama di kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi.

Jenayah Meningkat



Kadar jenayah di Daerah Brickfields bertambah daripada 2,955 kes pada 2005 kepada 4,372 kes pada 2008 iaitu peningkatan sebanyak 48 peratus. (Sumber: Crime Watch, Parlimen Lembah Pantai).

Penubuhan Suruhanjaya Persaingan – Bidang Kuasa Menteri Perlu Dihadkan

Saya merujuk kepada cadangan kerajaan untuk menujuhkan Suruhanjaya Persaingan, satu badan berkanun yang akan bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Persaingan. Suruhanjaya ini dikatakan akan memantau kegiatan bersifat monopoli serta mengendalikan sebarang aduan berhubung kegiatan sebegini. Sungguhpun penubuhan Suruhanjaya ini dipandang positif terutamanya dari aspek melindungi hak pengguna yang kerap berhadapan dengan kenaikan harga barang yang tidak tentu di pasaran angkara percaturan harga oleh syarikat monopolii, saya ingin menarik perhatian semua kepada bidang kuasa Menteri yang amat luas dan tidak boleh dicabar di bawah Akta tersebut.

Saya tidak akan mengulangi kekesalan berkait dengan pengecualian penjanakuasa-penjanakuasa bebas, ASTRO,



MEDIA PRIMA dan syarikat-syarikat gergasi lainnya apabila Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi tidak akan disentuh dalam pemakaian akta baru ini. Sebaliknya, saya terus kepada isu pemusatan kuasa dan budi bicara Menteri yang sewenang-wenangnya di bawah Akta ini yang harus dipinda segera oleh Parlimen. Saya amat sangsi dengan kredibiliti dan kebebasan Menteri untuk menangani isu persaingan yang melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) memandangkan kebanyakannya dari syarikat yang menguasai bidang perkhidmatan dan utiliti adalah GLC. Sebagai contoh, Pharmaniaga Sdn Bhd yang mempunyai bidang farmaseutikal dan perubatan dalam sektor kesihatan, sungguhpun didapati bermasalah dan mempunyai rekod audit yang buruk, namun, tetap dianugerahkan sambungan kontrak perkhidmatan selama 10 tahun. Kita juga tidak lupa dengan skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) bernilai RM4.6 bilion yang melibatkan anak syarikat UMNO serta agensi kerajaan persekutuan? Bukti-bukti ini menunjukkan rekod pentadbiran yang buruk oleh kerajaan persekutuan dan manipulasi kuasa Menteri yang bercanggah dengan pengurusan ekonomi yang telus dan bertanggungjawab.

Seharusnya pindaan dibuat kepada peranan Menteri untuk merujuk kes-kes kepada Suruhanjaya, termasuklah kuasa pengecualian untuk penglibatan mana-mana anggota Suruhanjaya dengan memberi tanggungjawab Menteri kepada pihak ketiga yang tidak berkepentingan, seperti sebuah Pejabat Perdagangan Adil (Office of Fair Trade) di United Kingdom. Perubahan struktur ini penting dalam meyakinkan komitmen kerajaan untuk membentuk sistem baru bagi merancakkan persaingan dalam bidang ekonomi negara.

Prinsip-prinsip ketelusan serta usaha

untuk menamatkan pengaruh Menteri yang berkuasa sewenang-wenangnya perlu dimulakan untuk memastikan Penubuhan Suruhanjaya Persaingan menepati objektif Model Ekonomi Baru yang berhasrat untuk menggalakkan persaingan ekonomi yang sihat dan terbuka. Saya khawatir penubuhan Suruhanjaya Persaingan dimanipulasi untuk melindungi bukan sahaja kegiatan GLC, tetapi juga penerusan monopolii-monopoli individu yang rapat dengan pimpinan kerajaan demi memastikan kepentingan dan keuntungan mereka ini tidak terjejas dalam suasana persaingan ekonomi global dan nasional yang makin sengit.

Saya tidak menentang usaha kerajaan untuk memantau dan menggalakkan persaingan sihat di antara syarikat di pasaran menerusi pelaksanaan Suruhanjaya Persaingan kelak, tetapi saya membantah sebarang rancangan untuk melindungi kegiatan monopolii oleh kerajaan sehingga mengorbankan wang dan aset rakyat serta negara.

**Nurul Izzah Anwar
Ahli Parlimen Lembah Pantai**

YB PUAN NURUL IZZAH ANWAR AHLI PARLIMEN LEMBAH PANTAI

Pejabat	:	Pusat Khidmat Masyarakat Nurul Izzah Anwar No 1-2 Tingkat 2, Jalan Pantai Murni 6 Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur
Tel	:	03-2240 9475/9476
Faks	:	03-2240 9473
Emel	:	ps@nurulizzah.com
Laman web	:	www.nurulizzah.com

Nurul Izzah perjuangkan isu flat PKNS Kg Kerinchi

MASALAH penduduk Rumah Pangsa Kos Rendah PKNS 4 tingkat di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur perlu diselesaikan. Ini berikutan pembangunan semula premis kediaman itu penuh kontroversi, kepincangan dan manipulasi yang akhirnya meminggirkan hak penduduk asal rumah itu.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, terpanggil untuk membela kepentingan penduduk dalam kawasannya termasuk mengemukakan memorandum bagi pihak penduduk kepada YAB Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, pada 4 Disember 2009.

“Memorandum ini bagi merungkai dilema pemilik rumah pangsa itu dan penduduk setempat dalam mendapatkan status milikan tanah, serta perincian pelan pembangunan

untuk kawasan merangkumi rumah pangsa itu jika benar ia akan dibangunkan. Kami bukan menolak pembangunan tetapi sebarang proses yang dijalankan perlu mengikut prosedur serta tatacara yang telus, profesional dan adil,” katanya.

Beliau turut meminta penduduk terbabit jangan bimbang kerana menurut Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 7 Disember 2009, Bilangan 63 (Muka surat 81 hingga 84), Menteri Wilayah Persekutuan, menyatakan bahawa surat akuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang penduduk terbabit tandatangani tidak terpakai serta surat yang diberi bekas Ketua Umno Bahagian Lembah Pantai, juga telah terbatal.

Berikut adalah antara soalan yang dibangkitkan di Dewan Rakyat mengenai isu

rumah pangsa itu pada tarikh berkenaan.

“Kedua, soal tadi Yang Berhormat Lembah Pantai pun telah bangkitkan berkenaan sepucuk surat jaminan yang dimaksudkan itu, ia tidak terpakai. Itu adalah sepucuk surat yang diguna pakai untuk projek lain, tetapi mungkin ada kesilapan teknik oleh pihak DBKL, sebab itu tidak termasuk dalam tawaran kepada penghuni-penghuni,” demikian penjelasan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Menjawab soalan lain dari Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Mohd Yusmadi Mohd Yusoff, beliau berkata: “Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tiada. Saya sudah cakap surat itu tidak terpakai langsung. Itu yang diberi mantan ketua bahagian dan tidak berasas.”

Ejen provokator gugat keharmonian rakyat

KEPUTUSAN mahkamah berkenaan penggunaan kalimah Allah oleh akhbar Herald Tribune mencetuskan pelbagai reaksi masyarakat. Kesan paling ketara ialah rentetan kejadian merosakkan rumah ibadat tertentu di beberapa negeri bermula 8 hingga 21 Januari 2010.

Tindakan ini dipercayai dilakukan kelompok ejen provokator dengan niat menggugat keamanan dan keharmonian rakyat.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, dalam satu kenyataan bersama lapan Ahli Parlimen dari parti Pakatan Rakyat menegaskan, jika serangan yang mencetuskan provokasi itu tidak ditangani

maka dibimbangi menyebabkan kejadian yang jauh lebih buruk termasuk kehilangan jiwa mana-mana rakyat.

Siasatan terperinci wajib dilakukan oleh polis dan menjadi harapan saya supaya tumpuan dirubah daripada memantau ahli politik pembangkang kepada provokator jahat sebenar yang bertanggungjawab dalam serangan sebegini.

YB Nurul Izzah Anwar



Lapan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat menyerahkan memorandum kepada Suhakam bertempat di Tingkat 29, Menara Tun Razak, pada 29 Januari 2010 berhubung kejadian siri serangan provokatif terhadap rumah ibadat di beberapa negeri.

Dalam kenyataan lain, beliau menyifatkan semua tindakan provokatif itu bertujuan mewujudkan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.

“Siasatan terperinci wajib dilakukan oleh polis dan menjadi harapan saya supaya tumpuan dirubah daripada memantau ahli politik pembangkang kepada provokator jahat sebenar yang bertanggungjawab dalam serangan sebegini,” katanya.

Pada masa sama, YB Puan Nurul Izzah menasihatkan rakyat termasuk di Parlimen Lembah Pantai supaya bertenang, bersabar dan sentiasa bersatu hati serta saling mempercayai demi memelihara hubungan antara kaum.

(dari muka depan)

KAWASAN Lembah Pantai tidak terkecuali dari pada perlakuan jenayah yang sangat membimbangkan. Antara kes yang dipaparkan untuk membuktikan kejadian itu ialah:

7 Januari 2010: Sehelai wang RM50 dengan Siri SJ1039797 didapat palsu. Wang itu dikesan ketika proses mengira wang dana sumbangan daripada majlis makan malam kemasyarakatan di Taman Sri Sentosa, Lembah Pantai, pada 31 Oktober 2009. Satu laporan polis dibuat supaya siasatan dilakukan.

6 Januari 2010: Seorang penduduk membuat aduan polis mengenai kehilangan satu set kamera, telefon bimbit dan barang kemas. Kejadian di Taman Angkasa.

Dalam aduan lain, seorang pelajar mendapati cermin tingkap rumahnya dicabut. Apabila diperiksa dalam rumahnya didapati enam komputer riba dan wang tunai RM1,500 hilang. Mangsa percaya rumah sewanya di Taman Angkasa, telah dipecah masuk.

11 September 2009: Mangsa dihampiri sebuah kereta ketika berhenti di persimpangan lampu isyarat Lorong Maarof, Jalan Sena. Seorang lelaki keluar dari kereta itu dan memecahkan cermin kereta mangsa dan mlarikan beg mengandungi telefon bimbit, dokumen peribadi dan lain-lain.

21 Mac 2009: Seorang ibu dan anak perempuannya dihampiri sebuah kereta ketika berjalan di Jalan Telawi 9. Seorang lelaki bersenjata parang kemudian meragut rantai leher dianggarkan RM6,000 dan beg mangsa.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, meminta polis meningkatkan rondaan di lokasi panas sambil meminta orang ramai lebih berhati-hati ketika berada di kawasan terbuka.



FACTS TO BE INCLUDED IN POLICE REPORTS

WHAT?

Case/Incident that is to be reported - such as break-in/theft or attempted break-in/theft.

WHEN & WHERE?

Always remember the exact time and location you were attacked (house number, street name etc.).

WHO?

Anything helps, from the motorcycle colour to the skin colour of the criminal, his facial marks, helmet type, height, etc.

HOW?

Always be specific when reporting how a case happened. For example, how a suspect crept up behind you on his motorcycle.

LOSSES?

Do mention any losses (personal and belongings) plus the estimated value that was lost/stolen.

FOLLOW-UP

Call, call, and keep calling your investigating officer (the person investigating your report) to check on the progress of the case.



CARTA ALIRAN LAPORAN POLIS

PEJABAT PERTANYAAN
Tempat Laporan Diterima



KES JENAYAH



LAPORAN DITULIS SENDIRI /
ANGGOTA POLIS



RUJUK KEPADA
PEGAWAI PENYIASAT



TEMU TANYA
PEGAWAI PENYIASAT



KES DIKLASIFIKASIKAN
Kes Boleh / Tidak Boleh Tangkap



KES BOLEH TANGKAP
Lawatan Ke Tempat Kejadian



RAKAMAN PERCAKAPAN



KEMAJUAN SIASATAN DIBERITAHU
Tempoh - 14 Hari

CRIME WATCH

Beware of Snatch Thieves in Sheep's Clothing



TWO incidents involving the cunning tactics of snatch thieves were reported recently. Both crooks seem to target elderly ladies, so residents should warn the seniors in the house of the danger.

In the first incident, a man who came in a van approached an elderly lady and told her that she had a parcel. He said that he would help her carry the parcel in. As soon as the gate was opened, the man pointed a knife at her and robbed her.

In the second incident, a man in blue uniform approached an elderly lady to verify whether a letter was for her. As she was looking at the letter, he snatched her gold chain from her neck and took off.

Source: Komuniti Bulletin - Bukit Bandar Raya Residents Association

HOW YOU CAN STOP CRIME!

- File a report for crime(s) to police station NO MATTER WHAT!
- Join your Resident Association. Start getting involved with your neighbourhood.

TOP 5 TYPES OF CRIMINAL CASES IN BANGSAR

- | | |
|----------------|-------------------|
| • Snatch Theft | • Vandalizing |
| • Break-ins | • Vehicle related |
| • Car-jacking | • Arson case |

TOP 4 MOST CRIME-PRONE ROADS IN BANGSAR

- | | |
|---------------|----------------------|
| • Jln. Maarof | • Jln. Bangsar Utama |
| • Jln. Telawi | |
| • Lrg. Maarof | |

Impian warga emas, kurang mampu miliki rumah PPR berkecai



Peluang memiliki rumah sendiri perlu dibuka secara saksama termasuk golongan kurang berkemampuan dan warga emas. Justeru, kelonggaran harus diberi kepada mereka untuk memperoleh pinjaman.

KERAJAAN mengumumkan 44,000 unit rumah PPR di ibu negara akan dijual kepada penyewa dari harga RM21,500 hingga RM35,000 seunit. Ini memang berita baik kepada kebanyakan yang berkenaan tetapi tetap tidak bermakna kepada sebilangan warga emas serta kurang berkemampuan sekurang-kurangnya kerana empat sebab.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, berkata mereka wajib

membuat bayaran guaman secara ‘upfront’ berjumlah lebih RM5,000 apabila hendak menerima tawaran itu.

“Sedangkan ramai daripada penyewa sekarrang membayar sewa bulanan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjumlah RM124 menggunakan wang bantuan Baitulmal.

“Jadi, bagaimana hendak membayar pinjaman bank dan kos penyelenggaraan selepas

ini,” katanya.

Beliau berkata, sebab kedua ialah mereka diberi pilihan membuat pinjaman bank tetapi bank menetapkan syarat sehingga ramai yang tidak layak mendapat pinjaman kerana tiada gaji bulanan serta menanggung hutang untuk membayai anak belajar. Ramai juga yang disenarai hitam dan menampung hidup dengan hasil menjaja gerai di kali lima.

Sebab ketiga, kata beliau ialah, jika mereka tidak mampu membuat bayaran guaman awal sebanyak RM5,000 maka mereka diberi pilihan supaya bayaran diserapkan dalam pinjaman bank.

“Ini tidak termasuk faedah yang akan dikenakan oleh bank. Akhirnya, berapa jumlah sebenar yang terpaksa ditanggung oleh rakyat terbabit?” tambah beliau lagi.

Sebab keempat, kata YB Puan Nurul Izzah, mereka terpaksa membayar kos penyelenggaraan setiap bulan dan ketika ini ditanggung oleh DBKL.

“Oleh itu, saya diberitahu rata-rata penghuni terbabit mahu satu tabung khas untuk pinjaman Rumah PPR supaya rumah itu dimiliki secara sewa beli dan ini membuka peluang semua penduduk atau penyewa terbabit memiliki rumah itu,” katanya.

NURUL IZZAH SERTAI MAULIDUR RASUL 2010



27 Februari 2010: Perarakan sempena Maulidur Rasul anjuran Masjid Taman Al Imam At Tirmizi di Taman Sri Sentosa, Jalan Kelang Lama dekat ibu Negara disertai kira-kira 1,000 ahli kariah di situ. Turut serta, Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar diiringi Naib Ketua Cabang PKR Lembah Pantai, Encik Mohd Amin Mian serta Setiausaha Cabang, Puan Haryati Ahmad.

BERDAKWAH MELALUI HIBURAN



7 Februari 2010: Malam Nur Kasih – program hiburan Islam berlangsung di Blok 20 Taman Bukit Angkasa, Lembah Pantai. Program anjuran Persatuan Ulama Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penduduk Blok 20 dan dihadiri kira-kira 1,000 penduduk. Suasana tambah meriah dengan kehadiran Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar. Acara lebih dua jam itu antara lain diisi dengan persembahan band, teater dan nasyid.

Operasi pertama EPIC di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

EXTRAORDINARY People Impacting Community (EPIC) telah berjaya menganjurkan kempen ‘Voice Your Choice’ dengan kerjasama Pusat Khidmat Lembah Pantai di Devi’s Corner, Jalan Telawi, Bangsar pada 17 dan 18 April 2010. Kempen ini bertujuan khusus untuk menyeru rakyat menjadi pemilih berdaftar bagi menyuarakan pilihan mereka melalui saluran pilihan raya. Kempen ini beroperasi selama lima jam bermula 11.00 pagi hingga 4.00 petang. Usaha seperti ini disambut baik oleh ahli parlimen kawasan tersebut iaitu YB Puan Nurul Izzah Anwar. Beliau sempat bersama para sukarelawan dan pengundi baru memberi sokongan dan galakan pada pihak penganjur. Semangat dan ketahanan yang ditonjolkan oleh EPIC dan para sukarelawan muda yang terlibat amat dihargai. Usaha selama 10 jam itu berhasil mendaftar 106 pengundi baru yang akan dihantar kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk diproses sebagai pengundi baru di kawasan masing-masing berdasarkan alamat di kad pengenalan. YB Puan Nurul Izzah berpendapat bahawa usaha seperti ini harus berterusan bagi membantu memartabatkan lagi demokrasi di Malaysia.

PKR Lembah Pantai Berkhidmat,



Rumah terbuka sambutan Tahun Baru Cina pada 9 Februari 2010, meriah.



Warga miskin bandar dalam Parlimen Lembah Pantai menerima agihan wang zakat.



Suasana meriah dan harmoni pada sambutan Tahun Baru Cina 2010 lalu.



Sebahagian daripada penduduk Lembah Pantai yang menerima agihan wang zakat.



Antara tetamu yang menghadiri Majlis Makan Malam KeADILan.



YB Puan Nurul Izzah Anwar bersama penduduk ketika program beliau turun ke akar umbi untuk bersama penduduk.



Warga Parlimen Lembah Pantai memeriahkan sambutan Maulidul Rasul 2010.



Kanak-Kanak menerima sumbangan beg sekolah manakala ibu tunggal diberi bantuan yang diserahkan YB Puan Nurul Izzah Anwar di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Dampingi Rakyat



YB Puan Nurul Izzah Anwar pada pertemuan untuk membincangkan masalah setempat di Jalan Petaling Bahagia, Jalan Kelang Lama.



Penyampaian bantuan barang keperluan berupa beras dan minyak masak kepada penduduk di Taman Sri Sentosa, Pantai Dalam.



YB Puan Nurul Izzah Anwar bersama masyarakat setempat membincangkan masalah penguatkuasaan di pasar pagi simpang 3.



Program mengacau bubur lambuk sempena bulan Ramadan anjuran Ranting Simpang 3.



Makan tengah hari bersama masyarakat dan penyokong di sekitar Bangsar di Devi's Corner, Jalan Telawi.




Warga Lembah Pantai berbual mesra dengan wakil rakyat mereka.

AKTIVITI HARI KELUARGA BERSAMA PENDUDUK LUCKY GARDEN



AHLI Parlimen Lembah Pantai menanam sebuah pokok sebagai tanda cintakan kehijauan.



YB Puan Nurul Izzah bersama Dr Devanand, penganjur Hari Keluarga masyarakat di sekitar Jalan Tempinis pada 31 Januari 2010 lalu.

PELBAGAI aktiviti dijalankan untuk mendekatkan penduduk sekitar termasuklah kaunter kesihatan, aktiviti menanam pokok dan gotong-royong bersama petugas Alam Flora. Sebagai tanda kenangan dan menyokong usaha menghijaukan alam sekitar, YB Puan Nurul Izzah Anwar menanam sepohon pokok pada akhir majlis itu.

Bagaimana Ahli Parlimen Anda Dapat Membantu

Adakah anda mengalami mana-mana masalah yang tersenarai di bawah ini?

- Kerosakan di mana-mana bahagian pangsapuri DBKL contohnya lif.
- Sistem perparitan rosak /tidak berfungsi.
- Sampah tidak diangkut.
- Lampu jalan tidak berfungsi.
- Rumput/lalang terbiar panjang di kawasan permainan.
- Pokok mati/tumbang di kawasan awam dan membahayakan keselamatan penduduk.
- Gangguan oleh binatang liar atau tidak bertuan di kawasan awam.



Adakah anda tergolong dalam mana-mana situasi di bawah:

- Bantuan kewangan untuk diri sendiri atau ahli keluarga yang memerlukan.
- Merupakan seorang ibu tunggal atau ibu tinggal.
- Datang dari keluarga miskin berpendapatan rendah iaitu di bawah RM1,000.
- Mempunyai ayah dan ibu yang sudah tua dan uzur.
- Mempunyai keperluan wang yang mendesak.

- Failkan aduan berhubung kerosakan atau masalah dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di <http://dbkl.bpa.jpm.my>.
- Pastikan anda menyimpan No. Rujukan Aduan untuk semakan aduan.
- Sila ikuti perkembangan laporan anda dengan terus menghubungi DBKL di talian 03-2617 9925 / 03-2617 9936.



Sekiranya tiada maklumbalas atau maklumbalas yang diterima tidak memuaskan, bahanalah anda merujuk kepada YB Nurul Izzah Anwar. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh Y.B anda adalah:

Menjadi pemudahcara di antara anda dan agensi kerajaan yang berkenaan.

Menyediakan dokumen sokongan untuk menyokong atau mengukuhkan permohonan anda. Namun, maklumbalas terhadap permohonan anda bergantung kepada budi bicara agensi kerajaan yang berkenaan.

Sekiranya anda berada dalam mana-mana situasi di atas, anda berhak mendapatkan bantuan-bantuan berikut:

Agenzi	Bentuk bantuan/ Pihak berhak memohon
Jabatan Kebajikan Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Orang Tua (BOT) • Ibu Tunggal/Tinggal • Keluarga miskin
Baitul Mal	Bantuan untuk keluarga miskin
Hospital Kerajaan	Bantuan perubatan. Kos yang ditanggung mengikut jenis kes.

Membawa permasalahan anda dan penduduk setempat lain ke Parlimen agar mendapat perhatian Kerajaan Pusat.

Cara menghubungi DBKL



Jabatan Keselamatan & Pengawasuan

- Bilik Gerakan Bantuan Bencana Alam DBKL (24Jam)
Hotline: 03-4024 4424
03-4022 0033
019-212 0031
- Bilik Radio (24Jam)
Hotline: 03-4024 4424
- Skuad Penyelamat
Tel : 03-4024 4424
Samb 2596

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar

- Unit Kecemasan/Logistik (24Jam)
Tel: 03-9284 3434
- Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar 03-9284 3636
- Pengurusan Pokok Rendang (24Jam) 03-2693 4132
- Bahagian Seni Taman
Tel/Faks: 03-2693 4535
- Permit Perkuburan Islam (Alias B. Ahmad)
H/P: 012-2386954

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

- Bahagian Pengangkutan (6.30pg-12mlm)
Hotline: 03-9206 0233
- Bahagian Bengkel (8.00pg-8.45mlm)
Hotline : 03-9206 0288

Jabatan Kerja Awam

- Bahagian Aduan & Pelbagai (8.00pg-6.00ptg)
Tel : 03-2617 9392

Jabatan Pengurusan Perumahan

- Bilik Gerakan Aduan Awam (24Jam)
Hotline 1: 03-9283 3112
Hotline 2: 03-9281 3113

Jabatan Pengangkutan Bandar

- Tel : 03-2691 5128
- Bilik Kawalan Lalulintas (24Jam)
AM: 03-2617 9878

Jabatan Kesihatan

- Unit Pengesahan Kematian (24Jam)
Tel: 03-9284 5166
- Waktu Pejabat Samb 131
- Selepas Pejabat Tel: 03-9285 7795
- Abdul Khabil B Idris H/P: 012-675 5287
- Shahidin B Mohd Noor H/P: 012-637 1516
- Rosli B Ahmad H/P: 013-389 3793
- Mohd Shauri B Johor H/P: 012-696 3737
- Kawalan Pest – Unit Tangkapan Anjing Liar

Tel: 03-4021 1682

(7.30pg – 12tgh hari) &

(2.30ptg – 6.00ptg)

* bergantung kepada aduan yang diterima Tel: 03-4025 5504

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai

- Bilik Kawalan Pengurusan Sungai Tel: 03-2694 3224
- Aduan Banjir (8.00pg-10.00mlm) 03-2692 6131

Unit Penyenggaraan Bangunan

- Bilik Gerakan (24Jam)
Tel: 03-2698 4177
03-2617 6575

Telekaunseling (24Jam)

Kakitangan: 03-2698 4177

Jawatankuasa Tindakan Khas DBKL

Tel: 03-2617 8053

Unit Komunikasi Korporat

- Aduan Awam (8.00pg – 5.00ptg)
Tel: 03-2617 9925
- Khidmat Pelanggan (8.00pg – 5.00ptg)
Tel: 03-2617 9931

Memperbaiki keadaan trafik di Lembah Pantai



BERIKUTAN kemerlu trafik yang amat mengecewakan pihak penduduk, pekerja dan pengguna jalan raya di sekitar Lembah Pantai, satu taklimat bagi membincangkan Pelan Penyuraian Trafik telah dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 9 April 2010 di Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Taklimat dihadiri oleh wakil-wakil dari persatuan penduduk, YB Puan Nurul Izzah Anwar dan kebanyakan wakil oleh DBKL sendiri iaitu Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB), Jabatan Kerja Awam (JKA), Jabatan Keselamatan dan Pengawasuan serta Jabatan Pelan Induk. Melalui taklimat ini, beberapa persefahaman bersama dapat dicapai dalam konteks untuk memperbaiki keadaan trafik yang sedia ada iaitu:

- Pihak JPB dan JKA sedang merancang untuk menambah lagi dua jalan keluar bagi mengimbangi keadaan trafik sekarang dengan lebih efektif tetapi perlu seiring dengan pembangunan lot-lot di kawasan Lembah Pantai.
- Sistem ‘Park and Ride’ dibangkitkan namun malangnya tidak dapat dilaksanakan kerana sudah tiada ‘reserve land’ di kawasan Lembah Pantai untuk dibina sebagai tempat letak kereta awam.
- Rangkaian pejalan kaki di sekitar Lembah Pantai akan diperbaiki dan diperbanyakkan bagi keselamatan dan kemudahan para pejalan kaki khususnya di kawasan berdekatan sekolah dan stesen atau perhentian pengangkutan awam.
- Lorong perhentian bas untuk mengambil dan menurunkan penumpang akan diperbanyakkan lagi di sekitar Lembah Pantai.



Kalendar Aktiviti YB Nurul Izzah Anwar

JANUARI 2010

27 Jan 2010

7.30 pagi

Lawatan berikutan kejadian dua kepala khinzir hutan dilempar di dalam perkarangan tempat letak kenderaan Blok A.

*1.30 petang -
3.00 petang*

Ramah mesra dan makan tengah hari bersama penduduk-penduduk Taman Sri Sentosa.



6.30 petang - 10.30 malam

Solat Maghrib berjemaah di Masjid Al Imam At Tirmizi dan sesi penerangan oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai bersama dengan wakil dari Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

28 Jan 2010

5 petang

Temubual isu Kuala Lumpur dan Kualiti Hidup di saluran 501 Astro Awani.



29 Jan 2010

10 pagi

Lawatan kerja bersama penduduk dan wakil JMB ke Menara UOA – Penjelasan tentang Pelan Pembangunan Kawasan Kg Kerinchi-Bangsar.

3 petang
Penyerahan memorandum ke Suhakam berhubung peningkatan



kejadian serangan provokasi terhadap rumah ibadat di Malaysia – Bangunan Tun Razak Kuala Lumpur.

31 Jan 2010

11.30 pagi -

1.30 petang

Hari Keluarga di Jalan Tempinis, Lucky Garden, Bangsar



3.30 petang - 6.00 petang

Hi-Tea Wanita Lembah Pantai di perkarangan tempat letak kenderaan Blok A.

5.00 petang -

7.00 petang

Pelancaran Komik Zunar di Selangor Chinese Assembly.



FEBRUARI 2010

1 Feb 2010

11 pagi

Majlis perasmian di Puchong Social Club Batu 6½ Jalan Puchong.

2 Feb 2010

9.45 pagi

Temubual bersama Strait Time Singapore Press di Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat.

4 Feb 2010

8.30 pagi

Mesyuarat bersama Pejabat Imigresen di Jabatan Imigresen Pusat Bandar Utama.

5 Feb 2010

12.30 pagi

Makan tengah hari bersama masyarakat Zon Pantai.

6 Feb 2010

8 pagi

Jemputan memeriahkan program School Hall SJKC Choong, Jalan Klang Lama.



7 Feb 2010

8.30 pagi

Edaran buah mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina di pasar Taman Sri Sentosa.

8.00 malam - 11 malam

Konsert Malam Nur Kasih Anjuran

Persatuan Ulama Malaysia dan Persatuan Penduduk Blok 20 dengan kerjasama Yayasan Amal Malaysia di Dataran Taman Angkasa.

9 Feb 2010

8.00 malam

Rumah terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina di Pejabat Ranting Taman Sri Sentosa.



20 Feb 2010

9.15 pagi

Pemberian Mesra Usia Emas kepada anak-anak Selangor (termasuk warga Lembah Pantai yang memenuhi syarat) di Bangunan MPPJ.

20 Feb 2010

Rumah terbuka YB Hee Loy Sian sempena sambutan Tahun Baru Cina.

23 Feb 2010

Forum Generasi Penubuhan di Armada Hotel, Petaling Jaya.

24 Feb 2010

10 Pag

Taklimat Rang Undang-Undang Cukai Barang & Perkhidmatan 2009 (GST) kepada ADUN dan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, Parlimen Malaysia.

25 Feb 2010

10.30 pagi

Temubual oleh wartawan Sinar Harian di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lembah Pantai.

12.00 tgh hari

Lawatan kerja ke PPR Sri Cempaka.

27 Feb 2010

7.30 pagi -

12.00 tgh hari

Perarakan sambutan Maulidul Rasul di Masjid Al Imam At Tirmizi Sri Sentosa.



28 Feb 2010*8.30 pagi*

Edaran buah mandarin sempena Tahun Baru Cina di sekitar Pasar Lucky Garden.

3.00 petang

Bicara Seni Anak Muda Revolusioner, Annexe Central Market.

5.30 petang

Pesta Ponggal, Desa Ria.

MAC 2010

3 Mac 2010*8.00 malam*

Wacana Generasi Perubahan: Dasar Bersama Pakatan Rakyat & Masa Depan Politik Malaysia di Armada Hotel.

5 Mac 2010*11.00 pagi*

Lawatan kerja ke flat PPR Kerinchi, Tingkat 17 Blok D yang menjadi sarang penagih dadah.

7 Mac 2010*8.30 pagi*

Lawatan ke Pasar Pagi Simpang Tiga.

10 Mac 2010*9.15 pagi*

Perbincangan sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2010 anjuran Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) USM di Eastin Hotel Pulau Pinang.

11 Mac 2010*5.00 petang*

Program 'Malaysian Digest Teh Tarik Session with YB Khalid Samad' di Killiney Kopitiam, Sooka Sentral, KL Sentral.

11 Mac 2010*9.00 malam*

Taklimat kepada penduduk flat PKNS, PPR Kerinchi tentang hak mereka sebagai pemilik unit di flat yang akan dimajukan, di perkaraan tempat letak kereta Blok L, flat PKNS, Kg. Kerinchi.

12 Mac 2010*9.00 malam*

Sesi Penerangan YB Nurul Izzah tentang keadaan semasa Pakatan Rakyat di Pusat Khidmat Segambut anjuran Cabang KeADILan Segambut.

13 Mac 2010*4.00 petang*

Sambutan Tahun Baru Cina di Taman Sri Sentosa.

Urus sampah, sisa dengan bijak



PEGUSAHA restoran dan gerai makan serta orang ramai mesti menyuburkan lagi sikap menyayangi alam sekitar dengan tidak membuang sampah atau sisa ke dalam longkang kerana perbuatan itu akan menyebabkan saliran tersumbat dan punca banjir kilat setiap kali hujan.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, berkata semua pihak juga mesti memberikan kerjasama dan sokongan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Alam Flora yang hendak membersihkan mana-mana longkang bagi memastikan aliran air pada saliran itu lancar.

"Semua sampah dan sisa mesti dimasukkan ke dalam karung plastik untuk diangkut pekerja Alam Flora. Persekitaran yang bersih akan mewujudkan suasana yang sihat," katanya mengulas tinjauan Sekretariat pejabat Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Pantai bersama kakitangan DBKL serta Alam Flora di belakang bangunan Pasaraya Sri Kota, Brickfields dan restoran berhampiran pada 30 Mac 2010 lalu.

Jerka membersihkan longkang di situ mengambil masa hampir lima jam.



Dua berita gembira untuk warga Bangsar

PERJUANGAN warga Bangsar berakhir dengan berita gembira apabila Kementerian Wilayah Persekutuan mengumumkan tiada lanjutan pajakan kepada One Bangsar dan Bangsar Seafood Restaurant, di Jalan Ara.

Kementerian turut memberi jaminan pembangunan komersial di kawasan itu hanya terhad di jalan utama dan laluan sebelah dalam seperti di Jalan Ara kekal sebagai kawasan kediaman.


Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar, ketika mengulas perkembangan itu melahirkan rasa gembira kerana penduduk di situ akhirnya memperolehi apa yang mereka perjuangkan.

"Mereka sudah memperjuangkannya sejak lima tahun lalu," katanya sambil meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersikap konsisten dalam dasar berhubung pemberian lesen untuk kegiatan perniagaan. "Kegiatan komersil jangan sampai menekan kesejahteraan penduduk sekitar," tegas beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau dimaklumkan oleh pihak Jabatan Kerja Awam, DBKL bahawa pakej ke-6 pelan penyuraian trafik KL Sentral iaitu menambah satu jalan naik dari Jalan Bangsar ke Jalan Maarof kini dibatalkan atas permintaan penduduk setempat. Sebelum ini, YB Puan Nurul Izzah berserta Ahli-ahli Parlimen Seputeh dan Bukit Bintang telah mengemukakan bantahan kepada Dato' Bandar berkenaan projek secara runding terus yang bernilai RM110 juta itu.



GST cetuskan beban baru pada rakyat



BEBAN fizikal dan minda: GST yang bakal diperkenalkan kepada rakyat akan menjadi beban baru dengan cukai membabitkan kebanyakan barang keperluan yang dibeli serta perkhidmatan termasuk keperluan persekolahan serta bil bulanan telefon, elektrik dan servis kenderaan.

CUKAI Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah cukai baru bermula pada kadar 4 peratus yang akan di perkenalkan kerajaan menjelang pertengahan 2011. Malangnya, impak negatif masa singkat tidak benar-benar diterangkan oleh kerajaan kepada pengguna. Mengambil contoh Australia dan Singapura, prasyarat utama sebelum melaksanakan GST ialah masyarakat berpendapatan tinggi di negara-negara tersebut. Tetapi Malaysia masih lagi kekal terperangkap dengan masyarakat berpendapatan rendah.

Sebaliknya, kerajaan Negeri Selangor dan kepimpinan Pakatan Rakyat mengambil berat isu ini supaya rakyat tidak dibebankan GST yang membabitkan hampir semua pembelian kecuali beberapa kumpulan kecil barang dan perkhidmatan.

Ia membabitkan cukai termasuk gunting rambut, pakaian dan kasut sekolah, servis kenderaan selain bil elektrik, air, telefon dan TV satelit. Barang makanan asas, tiket pengangkutan dan ubat pula antara yang diberi pelepasan cukai.

Alasan kerajaan memperkenalkan cukai itu ialah dengan mendakwa pendapatan negara menyusut menyebabkan tanggungan defisit (perbelanjaan kerajaan melebihi pendapatan) setiap tahun.

Pendirian Pakatan Rakyat adalah supaya pengenalan GST ditangguh sehingga semua prasyarat persediaan dibuat untuk mengelak malapetaka ekonomi yang pasti akan menindas rakyat.

Justeru, kesan GST ialah kenaikan harga barang secara automatik kerana setiap pembelian akan dikenakan cukai dan kenaikan harga barang atau perkhidmatan akan mengakibatkan inflasi. Teori pengurangan harga yang diuar-uarkan kerajaan tidak menepati realiti semasa. Peniaga mana yang akan mengurangkan harga barang keluaran mereka? Kerana itulah Australia sendiri mengalami inflasi setelah cukai GST dilaksanakan di negara mereka.

Sewajarnya, kerajaan mengkaji semula dan mengemaskini kutipan cukai tidak langsung selain soal mekanisme penguatkuasaan kutipan. Tambahan lagi, Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Puan Nurul Izzah Anwar membantikkan di Dewan Rakyat keperluan melu-

luskan terlebih dahulu ‘Akta Anti Pencatutan’ (Anti Profiteering Act) untuk memastikan isu rebat diselesaikan.

“Jika kerajaan ikhlas, cara terbaik ialah dengan menghidupkan ekonomi dan mengawal perbelanjaan bukan menguatkuasakan GST,” kata YB Puan Nurul Izzah.

Beliau percaya ramai yang menganggap kadar 4 peratus yang bakal diperkenalkan itu tidak munasabah kerana apabila akta cukai GST diluluskan, kerajaan mempunyai kuasa untuk menaikkannya kepada 7 hingga 10 peratus.

“Pendirian Pakatan Rakyat adalah supaya pengenalan GST ditangguh sehingga semua prasyarat persediaan dibuat untuk mengelak malapetaka ekonomi yang pasti akan menindas rakyat,” tegas beliau.

Contoh Beban Yang Ditanggung Rakyat Selepas GST

	Sebelum GST (RM)	Selepas GST (RM)
Sewa rumah	500	525
Makanan asas	400	420
Makanan lain-lain	200	212
Elektrik	100	102
Air	50	51
Belanja Am, Perkhidmatan (Servis kereta, bil Astro, telefon, dll)	200	208
Belanja Am (barang bukan makanan)	200	212
Pakaian	100	106
JUMLAH	1,750	1,836

* anggaran perbelanjaan bulanan purata isi rumah berpendapatan rendah.

* mengambil kira kadar GST dan kenaikan harga (anggaran antara 2%-6% apabila tuntutan rebat GST tidak dikembalikan rakyat seperti lazimnya apabila GST diperkenalkan).